



## Bahren dilantik anggota Lembaga Pemegang Amanah NUS

KETUA Pegawai Eksekutif Bank of Singapore, Encik Bahren Shaari (*gambar atas*) telah dilantik sebagai anggota Lembaga Pemegang Amanah Nasional Universiti Singapura (NUS).

Beliau mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang perbankan dan telah dianugerahkan Anugerah Fellow Cemerlang Institut Perbankan dan Kewangan Singapura pada 2016, sebagai mengiktiraf kepimpinan cemerlang dan sumbangan ketaranya dalam industri kewangan.

Encik Bahren yang merupakan alumni NUS, juga merupakan anggota Majlis Penasihat Presiden.

Pengerusi Lembaga NUS, Encik Hsieh Fu Hua berkata:

“Kami mengalu-alukan kehadiran Encik Bahren kepada Lembaga Pemegang Amanah NUS. Anggota lembaga kami membawa bersama mereka pelbagai pengalaman dan pengetahuan dalam berbagai sektor. Kami mengalu-alukan sumbangan yang akan dibuat Encik Bahren kepada universiti.”

Encik Bahren yang merupakan lulusan ijazah sarjana muda bidang perakaunan daripada NUS juga merupakan pengarah bukan eksekutif dan bebas Singapore Press Holdings (SPH) sejak April 2012.

Beliau juga berkhidmat sebagai anggota lembaga Institut Sistem Sains NUS.

Sebelum ini, Encik Bahren juga menerima Anugerah Jauhari *Berita Harian* pada 2018.

Dengan perantikan terbaru Encik Bahren ini, Lembaga Pemegang Amanah NUS akan mempunyai secara keseluruhan 21 anggota.

Anggota Lembaga Pemegang Amanah dilantik oleh Menteri Pendidikan.

Lembaga itu merangkumi pemimpin yang tersohor daripada sektor awam, golongan akademik, perniagaan dan pelbagai kerjaya lain.

Lembaga bekerjasama rapat dengan pihak pengurusan dan individu berkepentingan daripada universiti untuk membentuk visinya, mengorak arah utama dan membimbing inisiatif ketara bagi menghasilkan kesan yang kukuh dan berkesan bagi universiti, Singapura dan di luar negara.